



# KOPI PAHIT

Orang-orang dagang dari Indonesia yang jadi rakyat Belanda tatkala singgah di Manila meramalkan bahawa jika Sukarno mampus maka komunis akan berkuasa di Indonesia. Ramalan ini mungkin<sup>1</sup> tepat buat sementara iaitu pada permulaannya Komunis akan menyembelih orang-orang Islam tetapi mungkin<sup>2</sup> perang saudara yang hebat akan berlaku di antara sesama mereka, dan ini kalau berlaku berabih! Sebab itu mudah-mudahan Sukarno lekas mampusan!

\* \* \*

Di dalam televisyen Singapura baru-baru ini kelihatan Uthman Wok, Menteri Kebajikan Masyarakat dan A. Abdul Rahim Ishak Setiausaha Kementerian Pelajaran nampaknya bersungguh-sungguh bekerja mencuci Masjid Sultan. Bagus! *Al-hamdu'l Lāh!* Tetapi orang bertanya, tak nampak pula beliau itu berada di masjid itu pada selalu hari-hari Jumaat - mengapa? *Wa Allāhu a'lam.*

\* \* \*

Ustaz Abu Bakar Hamzah, di dalam Dewan Parliament Malaysia menuntut supaya diadakan Nasionalisasi perusahaan-perusahaan asing di negeri ini. Kok macam Komunis! Sepanjang yang diketahui Islam membebaskan orang mencari harta dan tidak menyuruh merampas harta!

\* \* \*

Cikgu Mahmud Ahmad di dalam perbahasan mengenai ceramah Profesor Tio telah menyentuh "PENA" dengan katanya, mula ditubuhkan dulu bertujuan untuk menyatukan semua aliran wartawan-wartawan tetapi sekarang telah menjadi puak-puak orang Kuala Lumpur saja. Keterangan

Cikgu Mahmud ini mungkin<sup>3</sup> benar. Sedikit hari dulu apabila mengadakan pertemuan di antara "PENA" dengan penerbit-penerbit merundingkan perkara hak cipta dan bayaran harga tulisan hanya penerbit di ibu kota saja diundang. Kali yang kedua diadakan pula pertemuan oleh "PENA" dan diundang penerbit di ibu kota juga dan yang lainnya jangankan diundang dipelawa pun tidak. Tetapi malang bagi "PENA" penerbit-penerbit di ibu kota pun tidak ada yang datang ..... dan "PENA" meradang. Ada kemungkinan<sup>4</sup> penerbit-penerbit di ibu kota merasa dihinakan oleh "PENA" sebab rakan sejawat mereka yang merasai pahit maungnya menjadi penerbit tidak dipandang pun oleh "PENA". Begitulah kalau orang sudah jadi gedik sudah tidak mahu lagi kenal orang dan dah gak biasa lagi pandang ke bawah. PENA Oh PENA!

\* \* \*

"Sebelum berkokok ayam pada dini hari, 1 Januari 1965, Malaysia akan diganyang habis-habisan dan tentera Indonesia akan berada di Malaysia," kata Sukarno. Betuuul<sup>5</sup> memang tentera Indonesia telah ada beratus-ratus tetapi makan macam ayam dalam kurungan, sebab rupanya ia berkокok di dalam sangkar Tengku Abdul Rahman.

\* \* \*

Senator Amaluddin Darus meminta kerajaan mengkaji tentera-tentera asing di negeri ini. Soal pertahanan kita adalah soal kita sendiri. Kita tidak mau tentera-tentera asing di sini dan kita harus yakin dengan kekuatan kita sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Bergantung nasib dan kekuatan kepada tentera-tentera asing adalah satu perkara yang memalukan. Benar kata Senator Amaluddin Darus. Tetapi kalau tidak mau malu, dan tentera asing keluar, besok Sukarno berjaya duduk di Istana Negara di Kuala Lumpur. Kalau tak percaya lihatlah.

**Cemeti al-Farouk**

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah kemungkinan.

<sup>5</sup> Perkataan sebenar ialah betul.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah mungkin.

<sup>2</sup> Sama seperti di atas.